

Daripada : **Nurfayunie Pakhrururzi**
Penolong Pengurus HRMD, MPC

Kepada : **Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah, MPC

Melalui : **Encik Josffa Ismail**
Timbalan Pengarah, HRMD

Tarikh : Jumaat, 16 Julai 2021

Perkara : **PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN YURAN
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM 2021) ANJURAN
FRIM**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', FRIM akan mengadakan Program Transformasi Minda 2021 pada 2-6 Ogos 2021 secara maya – Zoom. Seramai 12 orang pegawai kontrak menyertai PTM ini kerana ia merupakan salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

Program ini dibentuk bagi membolehkan pegawai memahami prinsip dan falsafah pembentukan negara, jentera pentadbiran kerajaan dan peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam serta pembentukan jati diri bagi menghadapi cabaran dan menyediakan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.

3. Dengan ini, pihak HR ingin memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' untuk meluluskan pembayaran yuran PTM 2021 kepada FRIM bagi menjayakan program ini sepertimana yang dijelaskan di atas dengan mengikut prosedur Pekeliling Perbendaharaan Malaysia. PK 7.3.

4. Pertimbangan YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Disediakan oleh:



(NURFAYUNIE PAKHRURURZI)
Penolong Pengurus
HRMD, MPC

Disokong oleh:



(JOSFFA ISMAIL)
Timbalan Pengarah
HRMD, MPC

Diluluskan/Tidak Diluluskan



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)